

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 2 2005



Pusat Servis SPANCO BARU, LUAS DAN MODEN



ISSN 1675-1361



9 771675 136103

Panduan memeriksa dan membayar saman trafik

Kini anda boleh menyemak sama ada anda mempunyai saman tertunggak tanpa perlu ke balai polis atau kaunter JPJ.

POLISinfoLINE
600-857-999

SMS 'PDRM'
21999
013 & 019

SMS 'JPJ'
22700
013 & 019

SMS 'JPJ RN'
< nombor kenderaan >
2000
016

SAMAN POLIS

- Hubungi POLISinfoLINE di talian 600-857-999
- Hantar pesanan SMS 'PDRM' ke 21999 (pelanggan 013/019)
- Layari laman web www.rilek.com.my, www.eservices.com.my, www.myeg.com.my

Anda juga boleh bertanya kaunter PDRM di pusat beli-belah berikut di seluruh negara:

- 1 Angsana (Johor Bahru)
- 2 Giant (Johor Bahru)
- 3 Mahkota Parade (Melaka)
- 4 Terminal One (Seremban)
- 5 MegaMall (Prai)
- 6 JayaJusco (Ipoh)
- 7 1-Utama (Petaling Jaya)
- 8 JayaJusco (Klang)
- 9 The Mines (Seri Kembangan)
- 10 Karamunsing (Kota Kinabalu)
- 11 Prangin Mall (Penang)

Mereka yang mahu menyelesaikan saman dengan membayar denda boleh berbuat demikian di mana-mana balai polis. Jumlah yang perlu dibayar ada tertera pada notis kesalahan lalu lintas.

SAMAN JPJ

Untuk memeriksa sama ada anda atau kenderaan anda disenaraihitamkan oleh JPJ, lakukan langkah berikut:

- Hantar pesanan SMS 'JPJ' ke 22700 (pelanggan 013/019)
- Hantar pesanan SMS 'JPJ RN <nombor kenderaan>' ke 2000 (pelanggan 016)
- Kunjungi www.jpj.gov.my/blacklist

Saman JPJ boleh dibayar di mana-mana Pejabat JPJ Negeri, Cawangan dan Pejabat Kecil JPJ serta melalui perkhidmatan e-Services.

Bayaran dengan kad kredit boleh dibuat kepada tiga konsortium yang dilantik melalui laman web www.rilek.com.my, www.eservices.com.my dan www.myeg.com.my

Penggunaan kad kredit di semua kaunter outlet pembayaran trafik dan outlet pembayaran lain juga sedang dilaksanakan.

Layari laman web untuk urusan saman

- www.rilek.com.my
- www.eservices.com.my
- www.myeg.com.my
- www.jpj.gov.my/blacklist

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Rozita Dawan

Mohd Wazir Ahmad Kassim

Rusman Bassri

Sharon Ng

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn. Bhd.

Sila alamatkan maklum balas,
komen dan sumbangan anda ke:

SIDANG REDAKSI

PRIHATIN-BERITA SPANCO

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

51100 Kuala Lumpur

Tel : 03-6253 2888

Fax : 03-6253 6230

emel : prihatin@spanco.com.my

Kami bersedia menerima sebarang bentuk
sumbangan karya untuk dipaparkan dalam
majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali
dengan nama, alamat dan nombor telefon
penulis. Sidang Redaksi berhak melakukan
penyuntingan sebelum karya diterbitkan.




6



12



20



22

PERUTUSAN

- 4 Mempertingkatkan khidmat
dan komitmen kepada
pelanggan

KORPORAT

- 6 Pusat Servis SPANCO:
Baru, luas dan moden
10 Kos kemalangan fleet
konsesi: Lebih RM3 ribu
baiki kerosakan setiap kes
12 SPANCO Fleet Online:
Meningkatkan
perkhidmatan dengan
maklumat masa sebenar

KHABAR PRIHATIN

- 14 Lawatan Tahunan 2005
disambut baik

PENJAGAAN KERETA

- 16 Petua menjaga transmisi
automatik
18 Menukar minyak enjin:
Langkah penting menjaga
kenderaan anda

KESELAMATAN

- 20 KEJARA berkuat kuasa:
Pesalah trafik mula
dikenakan penggantungan
lesen
22 Bagaimana mengelak
keganasan jalan raya

TEKNOLOGI

- 24 Kenderaan NGV:
Pengangkutan alternatif
masa depan

PERLINDUNGAN

- 25 eCover Note – Cegah
urusan pembaharuan cukai
jalan

KESIHATAN

- 26 Petua pemanduan selamat
untuk warga emas –
Penglihatan, pendengaran
dan tempoh tindak balas

Mempertingkatkan khidmat dan komitmen kepada pelanggan

SEJAJAR hasrat kami untuk mempertingkatkan pengurusan fleet profesional, Pusat Servis SPANCO yang beroperasi di Segambut akan berpindah ke lokasi yang lebih besar dan sesuai. Bermula 15 Julai ini, pelanggan dialu-alukan untuk menghantar kenderaan mereka ke Pusat Servis Wilayah yang baru di Batu Caves, Selangor.

Penempatan semula itu tepat pada masanya memandangkan lokasi sedia ada tidak lagi mampu menampung fleet yang semakin bertambah. Selain itu, kesesakan lalu lintas menyukarkan pelanggan apabila berurusan di sana.

Apa pun, langkah memindahkan pusat servis merupakan komitmen dan sebahagian daripada strategi kami untuk meningkatkan keupayaan syarikat. Harapan kami supaya pelanggan menikmati faedah melalui khidmat yang lebih selesa dan lancar tanpa gangguan, di bawah satu bumbung.

Selain penempatan semula, laman web rasmi SPANCO juga telah diperbaharui bagi menyediakan perkhidmatan dalam talian yang interaktif. Melalui *Fleet Online*, pelanggan kini boleh mengakses maklumat masa sebenar mengenai fleet mereka pada bila-bila masa dan di mana saja.

Mengenai prestasi fleet konsesi pula, statistik kami menunjukkan jumlah kemalangan tahunan pada kadar 37 kes bagi setiap 100 buah atau 37 peratus untuk 2004. Ia masih jauh mengatasi kadar kemalangan yang dicatatkan di peringkat kebangsaan iaitu 2.37 peratus (sumber: Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia).

***Bermula 15 Julai ini,
pelanggan dialu-alukan
untuk menghantar
kenderaan mereka ke
Pusat Servis Wilayah
yang baru di
Batu Caves, Selangor***

Sementara itu, purata kos membaiki kerosakan akibat kemalangan adalah melebihi **RM3,000** setiap kes. Kajian kami mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kos yang tinggi itu

ialah tahap kerosakan dalam sesetengah kes didapati sangat serius dan memerlukan perbelanjaan besar.

Kami bimbang jika trend itu berterusan, pihak insurans akan mengenakan caj bebanan terhadap fleet konsesi dan seterusnya premium insurans akan meningkat. Kesudahannya kos operasi dan penyenggaraan fleet Kerajaan akan bertambah.

Justeru kita perlu saling membantu untuk menangani cabaran mengurangkan kadar kemalangan, *downtime* dan kos pembaikan. SPANCO dan pelanggan mesti bekerjasama memastikan ketiga-tiga faktor itu berada pada tahap yang minimum.

Justeru kita perlu saling membantu untuk menangani cabaran mengurangkan kadar kemalangan, masa rosak dan kos pembaikan. SPANCO dan pelanggan mesti bekerjasama memastikan ketiga-tiga faktor itu berada pada tahap yang minimum.

Kesan langsung kepada pelanggan akibat kenderaan yang kerap rosak atau mengalami kemalangan ialah urusan pejabat terganggu dan masa, tenaga serta wang terbuang kerana terpaksa mencari pengangkutan alternatif.

Ke arah mempertingkatkan perkhidmatan dan komitmen kami kepada anda, SPANCO akan terus memaparkan panduan dan maklumat berguna di dalam majalah PRIHATIN. Ikutilah artikel antaranya petua penjagaan transmisi automatik, menukar minyak enjin, cara membayar saman dan maklumat terkini sistem KEJARA.

Kami berharap segala usaha yang dilakukan selama ini memanfaatkan anda.

Sekian.



Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif





MENARIK... Pemandangan bahagian hadapan pejabat dan pusat servis menurut gambaran artis.

Pusat Servis SPANCO Baru, luas dan moden



HAMPIR SIAP... Pejabat dan pusat servis yang masih dalam peringkat pembinaan.

DEMI menyediakan perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan ber mutu, Pusat Servis Wilayah SPANCO (PSW) Segambut akan berpindah ke lokasi baru pada 15 Julai ini. Alamat baru ialah di Lot 2, Jalan Perusahaan 2, Kawasan Perusahaan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor.

Rancangan untuk berpindah ke lokasi yang lebih baik diputuskan setelah mengambil

kira pelbagai faktor yang membabitkan kepentingan pelanggan.

Batu Caves dipilih kerana lokasi itu mudah dikunjungi oleh majoriti pelanggan SPANCO. Kedudukannya yang strategik mampu menyediakan persekitaran yang selesa dan mesra pelanggan.

Mercu tanda SPANCO terbaru itu dibina di atas tapak seluas lima ekar dengan anggaran kos pelaburan sebanyak RM10 juta.



TERSERGAH MEGAH...
Pemandangan sisi bangunan
di mana pejabat dan pusat servis
yang baru ditempatkan.



LUAS... Pusat Servis Wilayah Batu
Caves menyediakan 30 petak servis
dengan 90 kapasiti servis sehari.

Kemudahan dan Lokasi Yang Lebih Baik

Menurut Pengurus Kawalan Fleet SPANCO, Encik Peter Lim yang bertanggungjawab terhadap operasi penempatan semula, lokasi sedia ada memang diakui agak sesak dengan ruang kerja terhad dan menyukarkan pergerakan kenderaan.

Selain itu tempat simpanan kenderaan konsesi juga tidak dipusatkan di satu lokasi pada masa ini. Ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada kelancaran operasi pengurusan fleet.

*Mercu tanda SPANCO
terbaru itu dibina di
atas tapak seluas lima
ekar dengan anggaran
kos pelaburan sebanyak
RM10 juta*



MENCUKUPI... Petak letak
kereta untuk pelanggan yang
berurusan di PSW Batu Caves.

Dengan saiz fleet akan bertambah melebihi 5,000 unit, lokasi baru yang lebih besar dan sesuai amat diperlukan.

Antara kelebihan PSW Batu



TERKINI... Menggabungkan reka bentuk dan penggunaan cahaya yang optimum.



SELESA... Konsep ruang kerja yang terbuka.



MESRA... Ruang legar dan bilik perbincangan menyambut kedatangan tetamu dan pelanggan.

Masa perjalanan dapat dipendekkan kerana pusat servis, pejabat pentadbiran, operasi dan khidmat pelanggan, serta tempat simpanan kenderaan konsesi berada di lokasi yang sama.


Caves ialah segala kemudahan berada di bawah satu bumbung dengan ruang kerja yang luas. Justeru masa perjalanan dapat dipendekkan kerana pusat servis, pejabat pentadbiran, operasi dan khidmat pelanggan, serta tempat simpanan kenderaan konsesi berada di lokasi yang sama.

Kedudukannya juga sangat sesuai

kerana dihubungkan dengan beberapa lebuh raya untuk laluan mudah daripada pelbagai arah seperti Lingkaran Tengah II (MRR2), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Jalan Kuching.

Penempatan semula Pusat Servis Wilayah ke lokasi yang lebih luas dan moden ini adalah sejajar komitmen SPANCO untuk sentiasa

PETA KE PSW BATU CAVES



menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Persekutuan.

Perkhidmatan Yang Lebih Cepak

Encik Lim berkata seramai lebih 70 rakan sekerja akan terlibat dalam pemindahan itu iaitu 47 orang daripada PSW Segambut, 5 daripada Khidmat Pelanggan, 7 daripada Pentadbiran Fleet dan 12 daripada Kawalan Penyenggaraan.

Dengan penempatan semula bahagian-bahagian itu di satu lokasi, proses kerja akan menjadi lebih cepat dan menjimatkan.

Daripada segi keluasan, PSW Batu Caves memiliki luas kawasan 130,000 kaki persegi dengan keluasan binaan 24,254 kaki persegi. Ia dilengkapi dengan 30 petak servis, 150 petak letak kereta serta peralatan baru terdiri daripada 10 mesin angkut dan dua mesin pengisi angin tayar digital. Peralatan sedia ada di PSW Segambut juga akan dipindahkan ke sana.

Pusat itu turut direka dengan konsep moden yang terbuka bagi keselesaan pelanggan dan kemudahan untuk kakitangan menjalankan tugas dengan lebih

efisien. Matlamat SPANCO ialah menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan untuk lebih banyak kenderaan pada masa akan datang.

Semasa kerja pemindahan nanti, SPANCO akan memberi keutamaan terhadap meminimumkan gangguan servis dan akan memilih satu hujung minggu untuk memindahkan peralatan dan perkakas. Langkah itu menjamin kesinambungan kerja-kerja penyenggaraan kenderaan serta operasi yang lain. PSW Segambut akan ditutup selepas pemindahan selesai.

Kos kemalangan fleet konsesi:

Lebih RM3 ribu baiki kerosakan setiap kes

KOS pembaikan kemalangan fleet konsesi bagi empat bulan pertama tahun 2005 masih pada tahap yang membimbangkan walaupun usaha-usaha untuk mengurangkannya dilakukan. Maklumat daripada Sistem Pengurusan Fleet Berkomputer (SIKOM) menunjukkan 528 kes kemalangan dicatatkan setakat April yang membabitkan kos pembaikan sebanyak RM1.83 juta.

Ini bermakna setiap kemalangan menelan purata RM3,466 untuk dibaiki, berkurangan sedikit berbanding purata keseluruhan 2004 iaitu sebanyak RM3,579 setiap kes.

Kos pembaikan itu melibatkan perbelanjaan yang dituntut dan yang tidak dituntut SPANCO kepada pihak insurans. Kos yang dituntut adalah kos yang dibayar

semula oleh pihak insurans terhadap kerja-kerja pembaikan kereta konsesi yang mengalami kemalangan manakala kos yang tidak dituntut pula ialah kos yang ditanggung sendiri oleh SPANCO.

Trend menunjukkan, jumlah kos pembaikan kemalangan fleet konsesi mengalami penurunan bermula tahun 2002. Pada tahun sebelum itu, jumlah kos pembaikan sama ada yang dituntut atau pun tidak ialah sebanyak RM8.38 juta, turun kepada RM7.56 juta pada 2002, RM7.12 juta pada 2003 dan RM6.56 juta pada 2004.

Penurunan itu dianggap satu perkembangan yang baik walaupun masih tidak memuaskan kerana purata kos masih tinggi iaitu masih melebihi RM3,000 setiap kes. Angka mencatatkan purata tertinggi

JUMLAH KOS PEMBAIKAN KEMALANGAN BERBANDING KES (1998 – 2004)





Perbandingan jumlah kemalangan dan jumlah fleet Kerajaan Persekutuan seliaan SPANCO (1998 - 2005)

sebanyak RM4,353 setiap kes atau RM8.38 juta membabitkan 1,925 kes kemalangan pada 2001.

Sementara itu, syarikat-syarikat

insurans kini menimbang untuk mengenakan caj bebanan terhadap premium insurans kereta konsesi jika jumlah tuntutan kos pembaikan

yang tinggi setiap tahun berterusan.

Jika dilaksanakan, dikhuatiri kos caj bebanan tersebut akhirnya terpaksa diagihkan kepada pelanggan iaitu Kerajaan Malaysia.

Selain caj bebanan yang mungkin dikenakan, SPANCO turut menanggung kos lebihan (*excess*) yang meningkat setiap tahun akibat tahap kerosakan kemalangan yang semakin serius, melebihi nilai perlindungan insurans yang disediakan.

Justeru, SPANCO memohon kerjasama pelanggan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan tahap kerosakan yang dialami itu. Andalah sebenarnya yang menentukan sama ada kos operasi fleet Kerajaan Persekutuan akan meningkat atau tidak.

Kos operasi yang tinggi pasti memberi kesan kepada produktiviti dan daya maju negara dalam menghadapi saingan global.

Saman 2005

Pemandu terima 15 saman dalam empat bulan

Jumlah Fleet Kerajaan Persekutuan di bawah seliaan SPANCO kini mencecah 4,994 buah (SIKOM, April 2005) dan jumlah dijangka akan terus meningkat pada masa akan datang.


Perangkaan SIKOM juga menunjukkan sebanyak 4,011 saman PDRM diterima oleh kereta konsesi dalam empat bulan pertama tahun ini sahaja.

Dalam tempoh itu juga, rekod saman terbanyak yang dicatatkan bagi sebuah kereta jabatan ialah 15 kesalahan manakala bagi kereta rasmi pula ialah 9 kesalahan.

Apa yang menyedihkan ialah kesalahan lalu lintas itu masih berlaku walaupun dengan penguatkuasaan Sistem KEJARA oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ia seolah-olah menggambarkan bahawa pemandu dan pengguna jalan raya tidak langsung menghormati peraturan yang sedia ada.

Melalui KEJARA, pesalah akan menerima mata demerit bagi setiap kesalahan lalu lintas. Lesen pemandu boleh digantung jika mencapai sejumlah mata tertentu.

Di samping itu, SIKOM turut mendedahkan sebanyak



26,003 saman PDRM masih tertunggak dan belum dijelaskan oleh pelanggan SPANCO setakat ini.

Melalui Ops Warta IV fasa kedua yang baru dilancarkan, polis trafik kini melakukan operasi dari rumah ke rumah untuk mengesan mereka yang masih berdegil untuk menjelaskan saman PDRM.

Pesalah trafik yang mempunyai waran tangkap perlu segera menyelesaikan saman tertunggak mereka jika tidak mahu ditahan dalam operasi itu.

SPANCO Fleet Online

Meningkatkan perkhidmatan dengan maklumat masa sebenar

Perkhidmatan dalam talian yang cepat, mudah dan selamat meningkatkan lagi servis yang ditawarkan kepada pelanggan



Muka depan dan log masuk laman web rasmi SPANCO.

SEJAK beberapa tahun kebelakangan ini terdapat penambahan jumlah perkhidmatan Kerajaan yang ditawarkan melalui Internet. Potensi Internet untuk meningkatkan lagi cara individu dan organisasi melaksanakan urusan mereka semakin terbukti.

Seiring perkembangan itu, SPANCO telah pun mengemaskinikan laman web di www.spanco.com.my untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian yang interaktif kepada Kerajaan Malaysia. *Fleet Online* memberikan pelanggan SPANCO kemudahan dan fleksibiliti dalam menguruskan fleet kenderaan mereka.

Inisiatif perkhidmatan dalam talian adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menghasilkan e-kerajaan tanpa kertas melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sehubungan itu, anda dipelawa untuk melayari laman web kami dan menggunakan kemudahan sebaik mungkin. SPANCO sentiasa mengalu-alukan komen serta maklum balas untuk memperbaiki dan mempertingkatkan khidmat yang disediakan.

SEPINTAS LALU

SPANCO *Fleet Online* membolehkan pelanggan melihat setiap kereta atau kumpulan kereta yang disewa dan maklumat yang berkaitan.

Untuk mendapat maklumat, pelanggan perlu mengakses Laman Web SPANCO (www.spanco.com.my) dan

mempunyai nama pengenalan (ID) pengguna dan kata laluan sah yang diberikan oleh SPANCO untuk log masuk.

MY PROFILE – Pelanggan boleh memilih My Profile untuk melihat butiran mereka atau menukar kata laluan semasa.

CHANGE PASSWORD – Untuk menukar kata laluan, pilih *Change Password*, masukkan kata laluan semasa dan taipkan kata laluan baru sebanyak dua kali untuk pengesahan. Kemudian klik *Save*.

USER LOGIN – Taipkan ID pengguna dan kata laluan yang sah seperti yang terpapar pada skrin dan klik *Login*. Nama dan kata laluan log masuk adalah peka huruf besar/kecil.



Laman untuk menukar kata laluan.



Pelanggan boleh menggunakan pelbagai mode carian untuk mendapatkan maklumat kenderaan.



Maklumat kenderaan yang terperinci.

SPANCO Fleet Online membolehkan pelanggan melihat setiap kereta atau kumpulan kereta yang disewa dan maklumat yang berkaitan

VEHICLE INFO

Membolehkan pelanggan melihat maklumat tentang kereta seperti berikut:

- Pesanan Kenderaan (VO)
- Kenderaan (Sewa, *Option-To-Purchase* [OTP], Pembaikan & Penyenggaraan, Pelupusan)
- Pengguna Kenderaan
- Saman

Untuk mengakses maklumat kereta, pelanggan boleh memilih jenis mode gelintar/carian:

- Nombor Siri VO
- Nombor Pendaftaran Kereta
- Nombor Pendaftaran Kereta Lama
- Nama Pengguna Kenderaan

FLEET INFO

Membolehkan pelanggan melihat maklumat berikut bagi kumpulan kereta mengikut kementerian atau jabatan:

Senarai Penghantaran

Memaparkan senarai kereta yang dihantar dalam julat Tarikh Mula Sewa yang dipilih.

Senarai Saman

Memaparkan semua kesalahan trafik PDRM atau Majlis Perbandaran yang tertunggak

mengikut Kementerian / Jabatan yang dipilih.

Kelompok UKK

Memaparkan senarai kereta kelompok Unit Kemudahan Kereta (UKK) dengan status masing-masing (sama ada 'Boleh Digunakan', 'Sedang Digunakan' atau 'Tiada / Pemeriksaan').

Senarai OTP

Memaparkan senarai pembelian kereta oleh pegawai kerajaan yang layak untuk OTP dan status kemajuannya.

Program Penggantian

Memaparkan senarai kereta dengan Tarikh Tamat Sewa dalam julat tarikh yang dipilih (termasuk semua kereta Semasa atau Ditamatkan), berserta Nombor Siri VO gantian yang baru.

Saiz Fleet

Memaparkan senarai fleet semasa yang disewa. Pelanggan juga boleh memilih untuk mengeksport ke format yang boleh diubahsuai untuk tindakan susulan.

Penamatan Awal

Memaparkan senarai kereta yang dicadangkan untuk Penamatan Awal dan tarikh pemprosesannya.

Penyata Akaun

Memaparkan jumlah tertunggak penghutang mengikut usia.

Senarai Status Pesanan Kenderaan

Memaparkan senarai Pesanan Kenderaan diterima daripada Kerajaan yang tertunggak dan tidak dihantar.

Kerugian Menyeluruh Konstruktif

Memaparkan senarai kereta semasa yang terlibat dalam *Constructive Total Loss* dan status kemajuannya.

Maklumat Sewa

Memaparkan senarai kereta semasa dengan caj terkumpul (sewa, pembaikan & penyenggaraan dan *ad hoc*) sejak Tarikh Mula Sewa.

REPORT

SPANCO akan memuat naik laporan yang disediakan dalam perisian MS-Excel atau MS-Word dalam opsyen ini dan pelanggan boleh memilih untuk melihatnya secara dalam talian atau muat turun untuk tujuan semakan atau manipulasi.

Selain itu, skop perkhidmatan dalam talian akan diperluaskan dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan dan permintaan pelanggan. Manakala versi *Fleet Online* bahasa Melayu akan menyusul selepas SPANCO menerima maklum balas terhadap versi Inggeris yang disediakan ketika ini.

Lawatan Tahunan 2005 Disambut Baik

Lawatan Tahunan diteruskan dengan kunjungan wakil SPANCO ke jabatan dan kementerian di seluruh negara bermula Mac 2005. Program meliputi pelbagai aktiviti seperti taklimat pengurusan fleet serta penjagaan asas kenderaan, kunjungan Ketua-Ketua Jabatan, kunjungan ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD) dan pemeriksaan kereta-kereta konsesi. Lawatan mendapat sambutan yang baik dan dalam sesi perbincangan, beberapa maklum balas diterima dan penjelasan dibuat. Wakil SPANCO seterusnya akan membuat lawatan ke Pahang pada Jun, Sabah (Julai), Melaka dan Negeri Sembilan (Ogos), serta Terengganu dan Kelantan (September).



Wakil-wakil dari kementerian dan jabatan, termasuk anggota keselamatan yang menghadiri taklimat di Politeknik Permatang Pauh, Seberang Prai, Pulau Pinang pada 30 Mac.



Antara wakil-wakil kementerian yang mendengar taklimat yang diadakan di Kuching pada 16 Mei.



Pelanggan SPANCO dari PDRM, Pertahanan, Hospital, Mahkamah dan kementerian serta jabatan yang lain mendengar taklimat di Sib, Sarawak pada 17 Mei.



Pegawai dan pemandu yang diketuai oleh Sarjan Mejar Othman Senawi (lima dari kanan) bergambar semasa kunjungan rakan sekerja SPANCO ke Bengkel Cawangan Pengangkutan IPK Perlis pada 27 Mac.



Antara pegawai dan pemandu yang menghadiri taklimat di Markas Armada Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak pada 1 April.



Kunjungan ke IPK Kedah di Alor Setar pada 28 Mac. Dari kiri: ASP Bakar Osman, SAC II Dato' Husin Abu Seman, dan SAC II Ahmad Kathran Iskandar, Mohd Suhaimi Hashim, Rohana Abdullah dan Rozita Dawan.

Petua menjaga Transmisi Automatik

Gear automatik memberi kemudahan dan keselesaan kepada pemandu namun penjagaannya juga lebih teliti

BAGI kenderaan jenis automatik, penukaran gear dilakukan oleh sistem transmisi secara automatik. Transmisi automatik yang dilengkapi pengubah kilas menggantikan *flywheel*, klac dan kotak gear biasa yang terdapat pada kenderaan jenis manual.

Secara ringkas, transmisi automatik menyediakan nisbah gear jenis boleh berubah yang menyelaraskan secara automatik kepada keadaan operasi kenderaan. Oleh itu pemandu tidak perlu menukar gear mengikut kelajuan kenderaan.

Begitu pun, bergantung kepada kenderaan, sistem transmisi automatik menyediakan 3, 4 atau 5 kelajuan. Dengan transmisi 4 dan 5 kelajuan, gear tertinggi ialah *Overdrive* (OD) yang menghasilkan penjimatan minyak yang lebih baik di lebuh raya.

Mengetahui masalah sebelum bertambah teruk

- Periksa kebocoran atau tompokan minyak di bawah kereta. Jika sentiasa terdapat kebocoran kemerahan yang anda pasti datang daripada kereta anda, periksa sama ada ia berpunca daripada transmisi.
- Jika paras bendalir transmisi di bawah minimum, kerosakan transmisi yang teruk boleh berlaku.
- Periksa keadaan bendalir: Biasanya ia kelihatan bersih dan lut sinar manakala yang baru berwarna kemerahan. Setelah beberapa lama ia bertukar menjadi kecoklatan.

Memeriksa bendalir transmisi automatik

1. Hidupkan enjin sehingga suhu naik ke paras operasi biasa. Letakkan kereta di permukaan yang rata. Masukkan tuil transmisi ke setiap posisi dan kemudian masukkan ke 'N' (Neutral). Biarkan enjin melah.
2. Keluarkan tongkat pengukur bendalir transmisi dan lap menggunakan kain bersih atau kertas tisu. Kemudian masukkan kembali.
3. Tarik semula dan periksa paras bendalir. Ia sepatutnya berada di paras HOT (Tanda COLD hanya sebagai rujukan dan digunakan semasa enjin sejuk).
4. Periksa warna dan bau bendalir. Warna bendalir tidak sepatutnya hitam.
5. Jika berbau seperti terbakar bermakna bendalir dicemari partikel halus daripada berus dan bahan geseran. Hantar segera ke pusat servis kerana rombak rawat transmisi mungkin diperlukan.
6. Semasa mengisi bendalir, gunakan hanya bendalir transmisi yang ditetapkan seperti di dalam manual. AWAS: Bendalir yang tidak menepati spesifikasi boleh merosakkan transmisi.
7. Tambah sedikit bendalir melalui paip tongkat pengukur dan jangan mengisi terlalu penuh. Tunggu beberapa minit untuk bendalir mendak ke bawah. Hidupkan enjin dan periksa semula paras bendalir.



Bendalir transmisi automatik yang masih berkeadaan baik berwarna kemerahan dan boleh diperiksa dengan menggunakan tongkat pengukur.



Kedudukan suis Overdrive dan AUTO/HOLD pada tuil transmisi automatik kenderaan Perdana.



Bacaan pada panel instrumen untuk memberitahu pemandu mengenai kedudukan OD dan AUTO/HOLD.

Soalan kerap ditanya

Bagaimanakah cara menggunakan suis OD?

Semasa pemanduan biasa, suis OD perlu ditekan, iaitu lampu petunjuk pada panel instrumen terpadam. Dengan OD diaktifkan, penukaran gear dilakukan secara automatik dari gear 1 hingga 4 jika tuil transmisi diletakkan pada 'D' (Drive).

Secara perbandingan, fungsi OD adalah bersamaan gear 5 pada gear manual, yang digunakan untuk pemanduan jarak jauh untuk faedah penjimatan minyak serta mengurangkan haus dan kerosakan enjin.

Anda boleh memilih untuk mematikan OD, iaitu lampu petunjuk menyala, semasa menaiki atau menuruni bukit untuk mendapat lebih kuasa atau daya brek enjin.

Adakah saya perlu pilih mode 'AUTO' atau 'HOLD'?

Terdapat dua mode pemanduan untuk Perdana iaitu 'AUTO' dan 'HOLD'. Apabila anda menekan suis, petunjuk 'HOLD' akan menyala pada panel instrumen dan begitulah sebaliknya.

Pilih 'AUTO' untuk pemanduan biasa. Kenderaan anda beroperasi dengan penggunaan minyak yang menjimatkan apabila pedal minyak ditekan secara sederhana, dan bergerak dengan lebih berkuasa apabila ditekan kuat.

Hanya pilih 'HOLD' apabila bermula di permukaan licin. Kenderaan akan bermula pada gear kedua, iaitu lebih ringan dan mudah bergerak dalam keadaan licin, jika anda meletakkan tuil transmisi pada gear selain 'L' (Low).

Kenapakah perlu menukar bendalir transmisi dan apakah tempoh selangnya?

Penukaran bendalir transmisi adalah perlu untuk mengeluarkan kotoran dan partikel yang terkumpul. Jika tidak, kotoran akan mengurangkan keberkesanan bendalir dan mengakibatkan haus serta kerosakan yang lebih teruk pada transmisi.

Bagi kenderaan fleet konsesi bertransmisi automatik, SPANCO akan menukar bendalir transmisi automatik setiap 20,000km, serta kedua-dua bendalir dan penapis setiap 40,000km, seperti yang disyorkan pengeluar.

Menukar minyak enjin

Langkah penting menjaga kenderaan anda

Minyak enjin, minyak hitam ataupun pelincir. Biar apa pun nama yang diberi, namun fungsinya tetap penting dalam memastikan kenderaan bebas daripada masalah



Mekanik sedang melakukan penukaran minyak enjin terhadap sebuah kereta konsesi. PROTON menyarankan minyak enjin dan penapis perlu ditukar setiap 10,000 km.

TUGAS utama minyak enjin adalah sebagai pelincir – mengurangkan kerosakan akibat permukaan komponen enjin yang bergesel, membebaskan haba yang dihasilkan daripada geseran itu dan menyingkirkannya daripada kitaran pembakaran.

Di samping itu, minyak enjin perlu membawa bersama produk sampingan pembakaran bahan api yang merosakkan seperti silika dan asid serta membersihkan enjin daripadanya.

Justeru, penukaran minyak enjin secara berjadual adalah aspek penting dalam penjagaan enjin anda. Melakukannya dapat mengurangkan banyak masalah lain.

Memeriksa minyak enjin

Periksa minyak enjin dengan kerap dan patuhi saranan pengeluar. Biasanya anda boleh menemui spesifikasi jenis minyak enjin yang sesuai untuk kereta anda pada tutup minyak atau buku manual.

Prosedur:

- Letakkan kereta anda pada tempat yang datar dan matikan enjin.
- Tunggu sebentar untuk membolehkan minyak enjin mendap. Tarik keluar tongkat pengukur minyak enjin.
- Lap menggunakan kain atau tisu bersih. Kemudian masukkan kembali ke tempat asal.
- Tarik semula tongkat pengukur dan periksa tahap minyak enjin. Paras perlu berada tidak kurang daripada minimum dan tidak lebih daripada maksimum.
- Periksa keadaan minyak: Ia perlu ditukar jika terlalu hitam.

Menambah minyak enjin

Tambah pelincir yang sama spesifikasi sahaja. Tunggu sebentar supaya minyak mendap ke bawah sebelum memeriksa semula paras menggunakan tongkat pengukur.

Jangan lupa untuk memasukkan semula tongkat pengukur dan menutup tukup pengisi minyak apabila selesai.

Menukar minyak enjin

Apabila menukar minyak enjin pada atau sebelum tempoh yang disyorkan pengeluaran, bermakna anda menukar sebelum 'karbonasi' berlaku. Justeru enjin kekal bersih dan mendapat perlindungan sebaik selepas diisi dengan minyak yang baru.

Di samping itu penapis minyak juga perlu diganti setiap kali menukar minyak enjin.

Anda juga perlu periksa tempat letak kereta untuk kebocoran. Jika anda menemui kebocoran, baiki sebelum ia mengakibatkan masalah yang lebih teruk.

Tanda aras penukaran dan klasifikasi minyak enjin

Bagi kenderaan fleet konsesi, minyak enjin dan penapis akan ditukar setiap 10,000km seperti yang disarankan pengeluaran. PROTON turut mengesyorkan minyak API SG, gred SAE 20W-50 untuk semua kenderaan fleet.

API SG adalah piawai mutu bagi pelincir untuk enjin petrol tahun



Logo API yang memaparkan spesifikasi minyak enjin.

1993 atau lebih tua, yang memenuhi ketetapan *American Petroleum Institute* (API), sebuah pertubuhan antarabangsa yang mewakili industri petroleum.

SAE 20W-50, menandakan minyak berbilang gred, di mana 20 ialah kelikatan pada suhu sejuk dan 50 pada suhu panas. Kadar gred ditetapkan oleh *Society of Automotive Engineers* (SAE), dan menerangkan fungsi minyak dan standard kelikatan.

Fakta penting

Apakah yang akan berlaku jika terlupa menukar minyak enjin?

Apabila anda terlupa menukar minyak enjin, deposit karbon mula terkumpul dan mengurangkan bahan pelinciran serta meningkatkan geseran. Mampatan enjin menjadi kurang dan enjin mula haus dengan lebih cepat.

Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memeriksa paras minyak enjin?

Memandu dengan paras minyak enjin yang amat rendah, iaitu kurang daripada minimum atau dengan lampu amaran tekanan minyak rendah menyala pada panel instrumen akan menyebabkan kerosakan enjin yang serius.

Kenapa minyak enjin perlu kerap ditukar?

Jangka hayat minyak enjin adalah terhad – ia mula hilang ciri pelinciran dan menjadi berkarbon selepas tempoh tertentu. Apabila ini terjadi, deposit karbon akan mencemari dan memendekkan hayat enjin.



KEJARA berkuat kuasa

Pesalah trafik mula dikenakan penggantungan lesen



BERINGAT... Setiap kesalahan lalu lintas boleh dikenakan mata demerit dan lesen memandu boleh digantung jika melebihi jumlah mata tertentu.

K EJARA atau 'Sistem Penalti Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya' adalah satu sistem yang memberi mata demerit kepada pemandu yang disabitkan kesalahan sama ada melalui bayaran kompaun JPJ atau Polis, atau denda mahkamah.

Ia berfungsi di bawah Akta Pengangkutan Jalan 35, 35A, 37 dan 38 dan juga Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Rekod pesalah KEJARA

diwujudkan melalui notis saman yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan seperti yang terdapat di dalam jadual.

Di bawah sistem KEJARA, mereka yang tidak menghiraukan notis dan enggan membalas jawapan surat tunjuk sebab dalam masa 14 hari akan digantung lesen. Mata demerit maksimum yang mengakibatkan penggantungan dan pembatalan lesen ialah 10 mata bagi pemegang lesen 'P' dan 15 mata bagi pemegang

Lesen Memandu Kompeten (LMK).

Fasa pertama tindakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terhadap pesalah trafik bermula awal Mac dengan 16,000 orang pemandu dan penunggang motosikal menerima notis tunjuk sebab sebelum menggantung lesen memandu mereka.

Pesalah trafik itu dijejaki melalui Ops Warta IV dan mereka adalah kumpulan pertama yang menghadapi penggantungan lesen di bawah sistem KEJARA.

Surat balasan kepada notis tunjuk sebab hendaklah bertarikh dan bertandatangan serta mengandungi nama penuh pesalah trafik dan alamat terkini. Jika balasan itu tidak memuaskan, JPJ akan meneruskan penggantungan atau pembatalan lesen memandu mereka.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Emran Kadir berkata, mereka yang ditangkap masih memandu selepas penggantungan atau pembatalan lesen boleh didenda sehingga RM2,000 atau dipenjarakan selama enam bulan.

"Walaupun undang-undang membenarkan kami menggantung lesen di antara enam bulan sehingga dua tahun, jabatan boleh mempertimbangkan untuk menggantung lesen selama tiga bulan sahaja bagi pesalah yang mengumpulkan mata demerit maksimum," kata Datuk Emran.

Penguatkuasaan KEJARA bermakna pelanggan SPANCO perlu


KESALAHAN-KESALAHAN TERJADUAL DAN MATA DEMERIT YANG DIBERIKAN

KESALAHAN	MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Memandu atau mengawal kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah. 	15 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Memandu dengan melulu atau membahayakan. 	15 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbangrasa. 	15 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Pertandingan atau dugaan kelajuan 	15 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen nafas, darah atau air kencing apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai polis. 	15 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Gagal mematuhi lampu isyarat. 	10 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Melebihi had laju yang ditetapkan pada sesuatu jalan atau kenderaan <ul style="list-style-type: none"> i. melebihi 40 km/j ii. melebihi 26 km/j - 40 km/j iii. melebihi 1 km/j - 25 km/j 	10 MATA DEMERIT 8 MATA DEMERIT 6 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Kesalahan-kesalahan berhubung memotong dan halangan semasa memotong (termasuk memotong 'Q') 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Gagal memberi laluan kepada ambulans atau kereta bomba atau kenderaan polis atau kenderaan kastam atau kenderaan JPJ 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemandu di lintasan pejalan kaki 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pemanduan di sebelah kiri jalan 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Gagal berhenti di persimpangan 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Cuai mengawal dengan wajar pergerakan kenderaan (termasuk penggunaan telefon bimbit) 	8 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kenderaan motor di jalan yang disekat 	5 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Mengabaikan arahan-arahan dan isyarat-isyarat lalu lintas 	5 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan tayar botak 	5 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Memotong di garisan kembar (garisan tidak putus) 	5 MATA DEMERIT
<ul style="list-style-type: none"> Gagal mematuhi syarat-syarat yang dilampirkan pada lesen memandu percubaan (kaedah 15A) Kaedah-kaedah kenderaan motor (lesen memandu) 1992 : <ul style="list-style-type: none"> i. gagal membawa lesen memandu percubaan bersama-samanya semasa memandu ii. gagal mempamerkan tanda pengenalan di tempat yang mudah dilihat mengikut gambar rajah dalam jadual keenam kaedah-kaedah tersebut iii. gagal memastikan bahawa kandungan alkohol dalam nafas, darah atau air kencingnya adalah pada tahap 0.00 	5 MATA DEMERIT 10 MATA DEMERIT 5 MATA DEMERIT

lebih berhati-hati untuk memastikan lesen memandu mereka tidak digantung. Ini kerana mereka bertanggungjawab terhadap kenderaan konsesi termasuk setiap notis saman yang diterima.

Bermakna walaupun seseorang itu tidak memandu kereta tersebut pada masa kesalahan trafik dilakukan, namun beliau tetap

menerima mata demerit KEJARA jika notis saman dikeluarkan atas nama mereka. Kes sedemikian boleh berlaku terhadap pegawai-pegawai *liaison* (LO) yang nama mereka didaftarkan kepada beberapa buah kereta jabatan.



Bagaimana mengelak keganasan jalan raya



WASPADA... Dalam keadaan trafik yang sesak, kemungkinan untuk berlaku pergaduhan sentiasa wujud.

PERNAHKAH anda mengalami hari yang serba-serbi tidak kena? Kemudian ada pula pengguna jalan raya 'kurang sopan' yang membuat anda marah? Keadaan demikian boleh mencetuskan keganasan di jalan raya dan hampir semua orang pernah mengalaminya.

Kemungkinan untuk dua pemandu yang sama-sama dalam keadaan marah bertembung di jalan raya memang sentiasa wujud. Situasi itu boleh mencetuskan ketegangan dan pertukaran isyarat tangan serta taktik pemanduan yang bahaya, sehingga akhirnya membawa kepada keganasan fizikal.

Sebenarnya, yang membezakan seorang pemandu berhemah dan samseng jalan raya ialah cara mereka menangani perasaan itu. Oleh itu, setiap pemandu perlu belajar mengawal emosinya. Jika anda marahkan seseorang di jalan raya – biarkan perasaan itu berlalu.

Jika anda menjadi mangsa keganasan

jalan raya, anda perlu bertindak segera untuk melindungi diri anda. Paling penting ialah jangan memandang pemandu yang sedang marah. Hanya dengan berbalas pandang sahaja boleh menjadikan perasaan amarah pemandu itu semakin meluap-luap.

Kemudian beredarlal secepat mungkin, dan pilih jalan alternatif menuju destinasi anda. Jika perlu, berhenti sebentar di tempat awam yang selamat untuk menenangkan perasaan sebelum meneruskan perjalanan.

Jika pemandu yang marah cuba mengekori anda, tahap keganasan berkemungkinan akan meningkat. Jangan pulang ke rumah dahulu, sebaliknya pergilah ke balai polis berhampiran dan buat laporan apabila tiba di sana.

Pada masa yang sama, jangan bahayakan diri anda semasa cuba mengelak samseng jalan raya. Pandulah dengan mematuhi had laju dan ikuti semua peraturan lalu lintas.

SEBAB TERCETUS KEGANASAN JALAN RAYA

Tiada kaedah yang dapat meramalkan tindakan pemandu terhadap sesuatu keadaan. Bagaimanapun antara tingkah laku yang mencetuskan keganasan jalan raya termasuklah:

- Mengikut kenderaan lain terlalu rapat
- Membelok tanpa isyarat
- Memandu terlalu perlahan
- Memotong terlalu rapat
- Menghalang laluan semasa mengambil atau menurunkan penumpang
- Kerap membrek

Melakukan perbuatan di atas sama ada dengan sengaja atau tidak, boleh mencetuskan kemarahan terutama kepada pemandu yang beremosi.

Keganasan yang semakin berleluasa di jalan raya sebenarnya boleh dielakkan jika pemandu Malaysia tidak mengamalkan pemanduan 'kurang sopan' yang disenaraikan. Selain menimbulkan kemarahan, tabiat itu menyalahi peraturan lalu lintas dan membahayakan pengguna jalan raya lain.

Selain itu, pastikan anda menyimpan nombor telefon penting seperti balai polis dan ambulans dalam telefon bimbit anda supaya senang dihubungi jika keadaan memaksa.

10 PETUA BERGUNA

- Jangan bertindak balas atau cuba menandingi pemandu lain.
- Jangan bertentang mata pemandu yang sedang marah.
- Jangan memperjudikan nyawa hanya kerana perselisihan yang kecil.
- Bersopan dan bertimbang rasa walaupun orang lain tidak bersikap begitu.
- Sentiasa menganggap bahawa pemandu lain tidak sengaja melakukan kesilapan.
- Jika anda diganggu atau diekori, jangan terus pulang ke rumah. Pergilah ke balai polis berhampiran.
- Jangan gopoh dan cuba bertenang walaupun menghadapi suasana tegang.
- Jangan ambil sikap acuh tak acuh terhadap keupayaan pemandu lain membuat kacau.
- Kurangkan tekanan memandu dengan memberi masa yang mencukupi untuk sampai ke destinasi anda.
- Ingatlah! Anda tidak boleh mengawal pemandu lain, tetapi anda boleh mengawal bagaimana mereka mempengaruhi perasaan anda.

NOMBOR TALIAN MUSTAHAK

Pusat Kawalan Bukit Aman:

03-2262 7555

03-2262 6555

Negeri Sembilan:

06-768 2222

Melaka:

06-285 1999

Johor:


07-225 4459

Pulau Pinang:


04-269 1999

Kenderaan NGV

Pengangkutan alternatif masa depan



Alat pengawal atur (*regulator*) pada kenderaan NGV yang diubahsuai daripada enjin petrol.



Tangkai silinder di mana NGV diisi terletak di dalam but.



Salah sebuah stesen minyak yang menjual NGV.

GAS asli adalah bahan bakar yang berpotensi menggantikan petroleum dan diesel sebagai sumber tenaga utama. Ia amat bersih dan selamat serta digunakan secara meluas dalam sektor industri dan utiliti. Bagaimanapun penggunaannya dalam sektor pengangkutan masih kurang.

Komposisi NGV

Gas asli adalah campuran hidrokarbon yang terdapat secara semula jadi dalam perut bumi. Komponen paling utama ialah gas metana selain etana, propana, butana, karbon dioksida dan nitrogen. Di samping itu terdapat juga air dan bahan lain.

Istilah umum untuk gas asli yang digunakan sebagai bahan bakar kenderaan adalah NGV. Ia mula digunakan secara komersial di Malaysia sejak 1991. Terdapat lebih 10,000 teksi, lori dan bas menggunakannya setakat ini.

Kategori kenderaan NGV

Kenderaan NGV dan kenderaan

biasa kelihatan serupa namun perbezaan hanya pada enjin. Terdapat tiga jenis kenderaan NGV pada ketika ini iaitu:

Dua sistem bahan bakar

Kenderaan ini dilengkapi dua sistem bahan bakar iaitu petrol dan NGV tetapi hanya satu sistem boleh berfungsi pada satu masa. Lazimnya ia diubahsuai daripada kenderaan berenjin petrol dengan menambah kit NGV pada sistem pembakaran.

Sistem bahan bakar berkembar

Berbanding enjin petrol, enjin diesel tidak boleh ditukar kepada NGV kerana sistem pembakaran yang berbeza. Bagaimanapun diubahsuai boleh dilakukan terhadap enjin diesel seperti menambah palam pencucuh dan menukar nisbah mampatan. Hasilnya ialah kenderaan yang boleh menggunakan bahan bakar NGV dan diesel sekali gus dalam satu masa.

NGV khusus (monogas)

Kenderaan monogas dikeluarkan oleh pengilang untuk menggunakan

100 peratus NGV. Casis dan enjin dibangunkan khusus untuk mengoptimumkan penggunaan bahan bakar tersebut. Enjin NGV memberi kuasa pacuan yang memuaskan selain mengeluarkan emisi ekzos yang minimum dan menjimatkan berbanding kenderaan NGV yang diubahsuai.

Kebanyakan kenderaan NGV di Malaysia adalah daripada kategori dua sistem bahan bakar. Teksi di sekitar Lembah Klang dan Johor Bahru paling banyak dalam kategori itu. Penggunaan dua sistem bahan bakar memudahkan kerana pemandu boleh memilih petrol sebagai persediaan kecemasan jika NGV tidak diperolehi.

Selain itu, populariti NGV semakin meningkat kerana lebih menjimatkan terutama dengan kenaikan harga petrol dunia yang mendadak. Dengan pembinaan lebih banyak prasarana NGV, tidak mustahil kenderaan NGV menjadi pengangkutan alternatif paling popular masa depan.



Nota perlindungan elektronik, eCover Note hanya boleh diuruskan oleh syarikat atau ejen insurans yang mempunyai pautan dengan sistem komputer JPJ.



Syarikat Insurans



Ejen Insurans



Cawangan Insurans

eCover Note

Cepatkan urusan pembaharuan cukai jalan

Inisiatif IT oleh JPJ membolehkan penghantaran dan pengesahan butiran insurans untuk pendaftaran kenderaan secara dalam talian

MULAI 1 Januari 2005, hanya nota perlindungan elektronik atau eNota Perlindungan sahaja akan dikeluarkan oleh syarikat insurans kepada pemilik kenderaan yang memperbaharui insurans kenderaan bermotor mereka.

Dengan penggunaannya, nota perlindungan fizikal tidak lagi diakui oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pelaksanaan penuh berkuat kuasa selepas eNota Perlindungan digunakan selari bersama nota perlindungan konvensional selama tiga bulan.

Melalui sistem komputer yang dipertingkatkan, JPJ kini memiliki sistem pendaftaran kenderaan yang lebih mantap yang membolehkan kenderaan baru didaftarkan dalam masa beberapa minit sahaja, berbanding beberapa hari sebelumnya. Sistem itu juga

menyelaraskan status dan rekod kenderaan untuk memastikan semua data adalah betul dan terkini.

Inisiatif itu adalah selaras dengan pengenalan E-insurans oleh Kerajaan seterusnya menghapuskan nota perlindungan dan polisi palsu yang banyak terjadi di Malaysia.

Pemegang polisi insurans motor dan cukai jalan dinasihatkan memperbaharui semula lebih awal. Mereka dinasihatkan supaya berhati-hati semasa membeli insurans daripada ejen insurans haram. Pembaharuan cukai jalan tidak dibenarkan tanpa pautan elektronik ke JPJ melalui syarikat insurans.

Cara membaharui insurans motor dan cukai jalan

- 1 Pemilik kenderaan membaharui insurans motor mereka dengan ejen atau

cawangan insurans.

- 2 Ejen atau cawangan akan menghantar eNota Perlindungan, yang mengandungi maklumat insurans motor ke JPJ melalui pautan elektronik.
- 3 JPJ akan mengesahkan eNota Perlindungan (contohnya nombor pendaftaran kenderaan, no. KP atau no. pendaftaran syarikat, no. enjin atau casis) dan membalas pengesahan.
- 4 Jika jawapan pengesahan OK, pemilik kenderaan boleh meneruskan untuk membaharui cukai jalan mereka di JPJ atau pejabat pos.

Proses dilaksanakan dalam masa sebenar dan pengesahan resit daripada JPJ akan dikembalikan ke komputer ejen dalam masa beberapa minit sahaja.

Petua pemanduan selamat untuk warga emas

Penglihatan, pendengaran dan tempoh tindak balas

MEMANG tidak dinafikan bahawa pemandu yang berumur mempunyai kelebihan pengalaman memandu yang membantu mereka membuat keputusan yang bijak. Walau bagaimanapun penurunan tahap penglihatan, pendengaran dan tempoh tindak balas disebabkan oleh peningkatan umur boleh mendatangkan bahaya keselamatan.



WARGA EMAS...
Tahap penglihatan, pendengaran dan tindak balas berkurangan seiring usia yang meningkat.

Sebagai contoh, pemanduan waktu malam adalah mencabar sesiapa sahaja terutama sekali warga emas. Dianggarkan 90 peratus tindak balas pemandu bergantung kepada penglihatan dan ia amat terhad di waktu malam. Persepsi jarak, pengenalan warna dan penglihatan sisi berkurangan terutama sekali bagi mereka. Pemandu berumur 50 tahun mungkin memerlukan jumlah cahaya dua kali ganda berbanding pemandu berumur 30 tahun.

Justeru, bagi mengurangkan bahaya memandu di waktu malam, ikutilah langkah-langkah berikut:

- Bersihkan lampu depan anda selalu dan pastikan ia dihalakan dengan betul.
- Nyalakan lampu kereta ketika memandu di waktu senja.
- Kurangkan kelajuan dan tingkatkan jarak dengan kenderaan lain.
- Semasa mengekori kenderaan lain, turunkan lampu hadapan kenderaan anda.
- Jika kenderaan yang datang tidak menurunkan lampu hadapannya, elakkan silau dengan melihat bahu kiri jalan, sebagai panduan arah yang hendak dituju.
- Berhenti dengan kerap; jangan memandu dalam keadaan letih.

PETUA TAMBAHAN

- Memandulah secara defensif dan perhatikan pemandu lain di sekeliling anda.
- Semasa hujan, memandulah dengan perlahan dan berhati-hati terutama di selekoh; jangan membelok tajam atau membrek terlalu kuat.
- Jangan gunakan telefon bimbit semasa memandu.
- Perlahankan kenderaan di kawasan pembinaan jalan.
- Jika kereta anda rosak, segera bawa ke tepi.
- Pakai tali pinggang keledar pada sepanjang masa.
- Jangan memandu jika mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan anda mengantuk.

Through the good times...



* Valid at all participating branches in Klang Valley:
Jalan Kemajuan & Chan Sow Lin only.

...and the bad times...



...or just like old times



We are always here for you

For the past 20 years, we have been ensuring a safe and smooth drive for thousands of Malaysians. It's the reliability and trust we've built through our distinct reputation, trained and qualified technicians, state-of-the-art equipment and a guarantee of genuine parts. No matter where you are, we have 38 service branches and 200 franchise service dealers conveniently located nearby. EON Servis is always here for you.

Our services include:

- FREE Inspection on condition of car
- Estimation or Quotes on Repairs
- Body Repair & Spray Painting
- FREE 18-point Safety Inspection
- Attractive Service Packages under ServisVaganza

If you want to sell your car, we offer:

- FREE Inspection & Valuation
- Minor Touch-Up & Repairs

For enquiries and appointments,
call toll-free **1-800-88-3003**

For car emergencies / breakdowns and towing services
call Sahabat EON toll-free **1-800-188-999**

Visit our website at www.eon.com.my



17 Mei : Penduduk Kampung Rantau Panjang, Klang mengadakan demonstrasi kerana kecewa dengan kemalangan yang kerap meragut nyawa penduduk di situ. Seorang kanak-kanak maut selepas digilis treler sehari sebelum itu.



Lebuh raya ragut nyawa ke-44 di tempat yang sama

Gambar ihsan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad

Malang memang tidak berbau. Namun tragedi yang menimpa mangsa mungkin boleh dielakkan jika kita semua sama-sama memainkan peranan untuk memastikan jalan raya kita benar-benar selamat.

Jadikan Keselamatan Amalan Hidup Kita

Ikhlaskan daripada  SPANCO